

Malaysia bukan negara sekular — TPM

UM - 18/7/2007

KUALA LUMPUR 17 Julai — Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia bukan negara sekular tetapi merupakan sebuah negara Islam dengan takrifnya yang tersendiri.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, Malaysia tidak pernah berpegang kepada sekularisme tetapi didorong oleh asas Islam kerana perlembagaan jelas menyebut bahawa Islam adalah agama rasmi.

“Islam adalah agama rasmi dan kita adalah negara Islam tetapi sebagai sebuah negara Islam tidak bererti kita tidak menghormati mereka yang bukan beragama Islam. Umat Islam dan orang bukan Islam masing-masing mempunyai hak,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri Persidangan Antarabangsa Peranan Negara-Negara Islam dalam Dunia Global di sini hari ini.

Ketika diajukan soalan tentang kerajaan kelihatan sedang menuju ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara sekular, Najib berkata: “Saya perlu betulkan anda.

“Kita tidak pernah menjadi sekular kerana sekular seperti yang ditakrif oleh Barat bererti meminggirkan prinsip Islam daripada cara kita mentadbir negara.

“Kita tidak pernah berpendirian sedemikian (kerana) kita sentiasa didorong oleh pegangan kita kepada asas Islam. Tanggapan anda adalah salah.”

Sementara itu, ditanya mengenai cara pentadbiran Pas, Najib berkata, parti itu mempunyai versi mereka sendiri sebagai kerajaan.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) menghadapi situasi yang terhad apabila berhadapan dengan isu Iraq.

Katanya, ini kerana perang di Iraq melibatkan kuasa-kuasa besar dan memerlukan kebolehan mempengaruhi keputusan mereka.

“Ia melibatkan kuasa-kuasa besar dan keupayaan kita mempengaruhi keputusan mereka agak terhad,” katanya ketika diminta mengulas pendapat sesetengah pihak bahawa Malaysia selaku Pengerusi OIC gagal memainkan peranan dengan berkesan khususnya dalam isu perang di Iraq.